



LAPORAN TAHUNAN

UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT



2
0
2
4



HOSPITAL SUNGAI SIPUT
JALAN FELDA LASAH
31100 SUNGAI SIPUT (U)
PERAK

1.0 PENGENALAN

Unit Teknologi Maklumat merupakan satu unit kecil yang ditubuhkan di bawah Bahagian Pengurusan Hospital Sungai Siput dan mula beroperasi pada Oktober 2009. Unit ini terdiri daripada seorang Pegawai Teknologi Maklumat, Gred F44 yang ditugaskan untuk menjaga hal-hal yang berkaitan dengan Sistem KKM, peralatan ICT, khidmat nasihat ICT dan membantu dari segi teknikal berkenaan dengan ICT dan Teknologi Maklumat. Lokasi Unit Teknologi Maklumat terletak di Pejabat Pengurusan Hospital Sungai Siput.

2.0 VISI, MISI & OBJEKTIF

2.1. VISI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Negara menggembleng tenaga ke arah kesihatan yang lebih baik.

2.2. MISI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Misi Kementerian Kesihatan adalah untuk menerajui dan berusaha bersama-sama :

i) Untuk memudahkan dan membolehkan rakyat :

- Mencapai sepenuhnya potensi mereka dalam kesihatan
- Menghargai kesihatan sebagai asset paling berharga
- Mengambil tanggungjawab dan tindakan positif demi kesihatan Mereka

ii) Untuk memastikan system kesihatan berkualiti tinggi iaitu :

- Mengutamakan pelanggan
- Saksama
- Tidak membebankan
- Cepak
- Wajar mengikut teknologi

- Boleh disesuaikan mengikut persekitaran
- Inovatif

iii) Dengan menekankan :

- Sifat penyayang, profesionalisme dan kerja berpasukan
- Sifat menghormati maruah insan
- Penglibatan masyarakat

2.3. VISI HOSPITAL SUNGAI SIPUT

Menyediakan perkhidmatan kesihatan yang cekap, efisien dan berkualiti.

2.4. MISI HOSPITAL SUNGAI SIPUT

Memberi perkhidmatan kesihatan yang berkualiti, komprehensif, selamat dengan semangat berpasukan dan profesionalisme.

2.5. OBJEKTIF HOSPITAL SUNGAI SIPUT

Memberi perkhidmatan rawatan dan pemulihan yang berkualiti berteraskan elemen-elemen budaya korporat supaya setiap individu mencapai dan mengekalkan satu taraf kesihatan bagi membolehkan menjalani kehidupan ekonomi dan sosial yang produktif.


2.6. VISI & MISI UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

Warga Yang Prihatin Akan Menjadi Warga Yang Bermaklumat

2.7. OBJEKTIF UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

Memastikan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi yang berkualiti dan berterusan dalam urusan pengurusan dan pentadbiran Hospital Sungai Siput.

3.0 CARTA ORGANISASI UNIT



4.0 PERJAWATAN

4.1. SENARAI ANGGOTA DAN PERJAWATAN

NAMA PEGAWAI	JAWATAN	Gred
Rohayu Binti Zainol Abidin	Pegawai Teknologi Maklumat	F44

5.0 SKOP PERKHIDMATAN / FUNGSI UTAMA UNIT

- 5.1. Menyelaras dan menguatkuasa polisi keselamatan ICT KKM serta didokumentasikan dengan baik di Hospital Sungai Siput agar semua staf memahami Polisi Keselamatan ICT KKM.
- 5.2. Memantau pengoperasian Sistem Maklumat Aplikasi Teras / Aplikasi Generik yang digunakan di Hospital Sungai Siput agar berfungsi dengan baik.
- 5.3. Mentadbir penggunaan Emel MyGovUC di Hospital Sungai Siput agar penggunaan email rasmi jabatan dapat digunakan dengan baik dan berkesan.
- 5.4. Membangunkan Laman Web Rasmi Hospital Sungai Siput untuk memberi kemudahan kepada staf dan orang awam mengakses maklumat berkaitan dengan Hospital Sungai Siput.
- 5.5. Memantau dan menyelenggara rangkaian internet di Hospital Sungai Siput agar berfungsi dengan baik.
- 5.6. Mentadbir urus keperluan perolehan perkakasan, perisian ICT dan rangkaian internet di Hospital Sungai Siput serta membuat permohonan peruntukan kepada pihak yang berkenaan untuk membolehkan pengguna mendapat perkakasan, perisian ICT dan rangkaian internet daripada KKM.
- 5.7. Menyelaras aktiviti pemasangan, pengujian dan pentauliahan, perisian dan perkakasan ICT di Hospital Sungai Siput agar berfungsi dengan baik.
- 5.9. Menguruskan dan melaksana aktiviti installasi perisian dan penyelenggaraan perkakasan ICT di Hospital Sungai Siput agar beroperasi dengan baik.
- 5.9. Merancang, menyelaras dan melaksana kursus, taklimat serta latihan pembudayaan ICT di Hospital Sungai Siput supaya pendedahan mengenai ICT dapat disalurkan kepada semua staf.
- 5.10. Memberikan khidmat nasihat dan sokongan teknikal ICT serta menyelaras aduan berkenaan ICT di Hospital Sungai Siput agar semua masalah ICT dapat diselesaikan dengan berkesan.
- 5.11. Membangun persembahan multimedia seperti iklan, flyers, banner, bunting, slaid multimedia serta video interaktif agar program yang dijalankan di Hospital Sungai Siput berjalan lancar.

6.0 LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN

6.1. KURSUS DAN LATIHAN

Antara latihan dan kursus yang telah dihadiri oleh Pegawai Teknologi Maklumat sepanjang tahun 2024 (JAN-DIS) adalah seperti di bawah :

BIL	KURSUS/LATIHAN/BENGKEL YANG DIHADIRI OLEH PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT	TARIKH
LATIHAN DALAM NEGARA		
1.	TAKLIMAT SISTEM E-JEJAK HOSPITAL TAPAH	18/01/2024
2.	SESI LIBAT URUS PROJEK NATIONAL SUICIDE AND FATAL INJURY REGISTRY MALAYSIA (NSFIRM) BERSAMA JKN DAN HOSPITAL	24/01/2024
3.	SEMINAR ENDPOINT SECURITY (ANTIVIRUS) DAY 2024	29/01/2024
4.	KURSUS POWER OF ARTIFICIAL INTELLIGENCE IN HEALTHCARE KKM	6 hingga 7/02/2024
5.	BENGKEL KESELAMATAN ICT	23 hingga 25/04.2024
6.	KURSUS BASIC LIFE SUPPORT - NON PARAMEDIC	15/05/2024
7.	KURSUS BASIC Ai PROMT CREATIVE POSTER	21/05/2024
8.	PICTURE ARCHIVING & COMMUNICATION SYSTEM (PACS) SYSTEM ASMINISTRATION	15 hingga 17/07/2024
9.	PICTURE ARCHIVING & COMMUNICATION SYSTEM (PACS) NETWORKING & VIRTUALIZATION	22 hingga 24/07/2024
10.	DELL - POWERSTORE PRIME	23/07/2024

11.	SESI BERKAITAN APLIKASI OFFLINE BUSINESS CONTINUITY PLAN (BCP) PHARMACY INFORMATION SYSTEM (PhIS)	25/07/2024
12.	PICTURE ARCHIVING & COMMUNICATION SYSTEM (PACS) DATABASE ADMINISTRATION	29 hingga 31/07/2024
13.	PROGRAM KESEDARAN KANSER	9/8/2024
14.	KURSUS DEPRESSION. HOW TO HANDLE?	22/8/2024

6.2. PENGLIBATAN UNTUK PROGRAM DI PERINGKAT HSS

BIL	PENGLIBATAN UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT DALAM PROGRAM DI PERINGKAT HSS	TARIKH
1.	Majlis Perhimpunan Bulanan Urusetia Tetap Bagi Majlis Perhimpunan Pagi Setiap Bulan. Berperanan dalam menyediakan slaid perhimpunan pagi setiap bulan bagi Majlis Perhimpunan Pagi HSS. Di samping itu juga, Unit IT turut berperanan untuk menyediakan video dan persembahan multimedia yang melibatkan lagu yang wajib dinyanyikan di dalam majlis tersebut seperti senarai di bawah : • Lagu Negaraku • Lagu Negeri Perak • Lagu Kami Sedia Membantu	Januari – Disember 2024
2.	PERTANDINGAN VIDEO PENDEK SEMPENA MINGGU KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN, JKN PERAK	TEMPAT KETIGA
4.	HARI SUKAN NEGARA, PERINGKAT HOSPITAL SUNGAI SIPUT	DESIGN eCERT

6.3 Pencapaian Unit IT Bagi Tahun 2024

- Menerima Anugerah Tempat Ketiga bagi pertandingan Video Pendek Sempena Sambutan Minggu Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan, Peringkat Jabatan Kesihatan Negeri Perak.



7.0 AKTIVITI TAHUN 2024

7.1 Pengurusan Aduan ICT

Unit Teknologi Maklumat, Hospital Sungai Siput memberi perkhidmatan teknikal ICT kepada staf yang menggunakan peralatan ICT dari semasa ke semasa. Aduan yang diterima akan direkodkan ke dalam *Google Drive* Aduan ICT dan tindakan yang dilaksanakan adalah seperti yang terkandung di dalam Polisi Unit Teknologi Maklumat.

Aduan kerosakan yang dilaporkan kepada Unit Teknologi Maklumat adalah seperti berikut :


Bil	Jenis Aduan	Justifikasi Aduan
1.	Perkakasan (Hardware)	Ia melibatkan aduan daripada pengguna merangkumi semua kerosakan yang dikenalpasti sepanjang tahun 2024 iaitu : • <i>Mouse</i> • <i>Keyboard</i> • <i>Kipas CPU</i> • <i>Hard Disk</i> • <i>Motherboard</i> • <i>Pencetak</i> • <i>Scanner</i> • <i>UPS</i> • <i>Bateri CMOS</i> • <i>Extension Wire</i> • <i>CPU</i> • <i>Network Card</i> • <i>Monitor</i> Terdapat juga unit-unit yang memohon set komputer baru bagi menggantikan set komputer lama yang telah rosak.
2.	Perisian (Software)	Ia melibatkan aduan daripada pengguna merangkumi semua instalasi perisian di bawah : • <i>Microsoft Office</i> • <i>Adobe Acrobat Reader</i> • <i>Antivirus</i> • <i>SPSS Version 13 Dan Ke Atas</i> • <i>Web Browser (Mozilla, Internet Explorer dan</i>

		<i>sebagainya)</i> • <i>Printer Driver</i> • <i>Windows (10/11)</i> • <i>Drivers For Windows</i> • <i>SPAI installer</i> Terdapat juga aduan untuk memformat keseluruhan sistem komputer daripada unit-unit HSS.
3.	Sistem	Ia melibatkan aduan daripada pengguna merangkumi semua sistem-sistem di bawah : • Sistem E-Perolehan • Sistem GPKI • Sistem 1GFMAS • Sistem CPD Online • Sistem SPIKPA • Sistem HRMIS • Sistem Email MyGovUC • Sistem SMRP/MYHDW • Sistem MalaysiaDRG – CASEMIX • Sistem PHIS • Sistem MPIS • Sistem PACS
4.	Rangkaian (Network)	Ia melibatkan aduan daripada pengguna mengenai masalah rangkaian seperti di bawah : • <i>IP Limited</i> • Tiada <i>access</i> terhadap rangkaian internet • Permohonan rangkaian internet yang baru/penambahan <i>port</i> internet • Kerosakan switch

		• Kerosakan UTP cable • <i>Sharing Network Printer</i>
5.	Lain-Lain	Ia melibatkan aduan mengenai masalah di luar skop kerja ICT.

Jadual 1: Jumlah aduan yang dilaporkan sepanjang tahun 2024 mengikut bulan (Januari – Disember).

Bulan	Jumlah Aduan
Januari	146
Februari	133
Mac	65
April	32
Mei	32
Jun	50
Julai	98
Ogos	59
September	42
Oktober	47
November	81
Disember	11



Pemerhatian Utama:


- **Januari** mencatat jumlah aduan paling tinggi: **146 aduan**, diikuti oleh **Februari (133)** dan **Julai (98)**.
- **Disember (11 aduan)** dan **April/Mei (32 aduan)** merupakan bulan paling kurang aduan.
- Terdapat **penurunan ketara** bermula **Mac hingga Mei**, diikuti peningkatan pada **Julai dan November**.

Faktor Penyebab :

- Aktiviti ICT yang tinggi di awal tahun (kemas kini sistem, pendaftaran pengguna baharu).
- Kurangnya aduan dalam bulan Disember boleh dikaitkan dengan cuti akhir tahun atau penangguhan kerja.

Jadual 2 : Jumlah aduan yang dilaporkan sepanjang tahun 2024 mengikut Mengikut Jenis Kategori Aduan.

Jenis Aduan	Jumlah Aduan
System	366
Software	135
Networking	91
Hardware	85
Multimedia	72
Hardware, Software	25
Others	11
Software, Networking	4
Software, System	2
Software, Others	1
Hardware, System	1
System, Multimedia	1
Hardware, Networking	1



Pemerhatian Utama:

- **Aduan berkaitan Sistem (System)** adalah paling banyak: **366 aduan**, mencerminkan isu berkaitan capaian sistem, login, atau perisian dalaman.
- Diikuti oleh:
 - **Software (135)** – Masalah perisian pengguna.
 - **Networking (91)** – Isu rangkaian dan internet.
 - **Hardware (85)** – Masalah fizikal peralatan ICT.
 - **Multimedia (72)** – Masalah paparan, projector dan sebagainya.

Kategori Gabungan:

- Beberapa aduan melibatkan **gabungan isu** seperti *Hardware & Software* (25), menunjukkan pengguna mengalami lebih dari satu masalah dalam satu laporan.

Faktor Penyebab :

- Sistem dalaman yang kompleks atau tidak stabil menjadi punca utama.
- Aduan perisian dan rangkaian mencerminkan keperluan sokongan teknikal yang berterusan.

7.2 Pengurusan Penyelenggaraan Perkakasan ICT

Berikut merupakan senarai syarikat penyelenggaraan yang telah dilantik oleh Kementerian Kesihatan Malaysia mengikut kontrak sewaan/sewa beli komputer dan berstatus aktif sehingga tahun 2024.


Bil	Nama Syarikat	Jenis Perolehan	Bilangan Perkakasan
1.	SNS Network (M) SDN BHD	Sewaan	Komputer = 6 Unit Komputer Riba = 4 Unit
2.	Global Venture (GEV)	Sewaan	Komputer = 10 Unit Komputer Riba = 1 Unit

4.	Pharmaniaga (No. Kontrak: PHIS/PRK-09/HSP-02)	Sewa Milik	Komputer = 18 Unit Komputer Riba = 3 Unit Laserjet Printer = 3 Unit Thermal Printer = 5 Unit Switch = 4 Unit Server = 2 Unit Storage = 1 Unit UPS = 1 Unit
5.	Juara ICT	Sewa Milik	Komputer = 10 Unit
6.	Unijaya Resource SDN BHD	Sewa Milik	Komputer = 1 Unit Komputer Riba = 1 Unit

Bagi komputer, pencetak, pengimbas dan perkakasan ICT yang tidak didaftarkan di dalam kontrak penyelenggaraan adalah diselenggara sendiri oleh Unit Teknologi Maklumat, Hospital Sungai Siput dengan menggunakan peruntukan di bawah teknologi maklumat.

7.3 Pengurusan Rangkaian Internet

Penyelenggaraan internet telah dijalankan pada tahun 2024 secara berperingkat melibatkan penyelenggaraan rangkaian bagi beberapa unit yang memohon.



Rajah 1 : Network Diagram Hospital Sungai Siput (Kemaskini :Disember 2024)

7.4 Pengurusan Penyediaan Persembahan Multimedia

Antara persembahan multimedia yang disediakan oleh Unit Teknologi Maklumat sepanjang Tahun 2024 adalah seperti :

- 7.4.1 Rekabentuk Banner
- 7.4.2 Rekabentuk Bunting
- 7.4.3 **Rekabentuk Video/Montaj**
- 7.4.4 **Rekabentuk Multimedia**

7.5 Pengurusan Email Jabatan – MyGovUC

Unit Teknologi Maklumat, Hospital Sungai Siput juga berperanan sebagai Pentadbir Email di Hospital Sungai Siput. Tugas utama Pentadbir Email adalah seperti berikut :

- Mendaftar dan mewujudkan akaun email bagi pengguna yang tidak mempunyai email jabatan atas kepentingan perkhidmatan.
- Menghapuskan akaun email bagi akaun pegawai yang tidak aktif melebihi 90 hari, bersara atau meninggal dunia.
- Membantu pengguna yang baru berpindah masuk atau berpindah keluar dari Hospital Sungai Siput dengan membuat log untuk pertukaran OU.
- Reset kata laluan bagi pemegang akaun email yang lupa kata laluan.
- Mengemaskini rekod pemegang email yang aktif dan memantau tarikh penggunaan email dari semasa ke semasa.

Akaun email akan dihapuskan sekiranya pengguna tidak aktif menggunakan email melebihi 90 hari.

Jadual 2 : Jumlah aduan Email Mygovuc yang diterima oleh Unit Teknologi Maklumat sepanjang tahun 2024.

Perkara	Jumlah
Pendaftaran Baru	17
Akaun Email Dihapuskan	3
Perpindahan OU	5
Reset Kata Laluan	5
Lain-Lain (capaian email)	-

Analisis Ringkas

- **Pendaftaran Baru** merupakan aduan tertinggi berkaitan MYGOVUC (57% daripada keseluruhan aduan).
- **Isu teknikal seperti reset kata laluan dan pemindahan akaun (OU)** menyumbang sebanyak 10 aduan.
- **Kes penghapusan akaun emel** berlaku sebanyak 3 kali – berpotensi berkait dengan penamatan staf atau isu keselamatan.
- Tiada data untuk “Lain-lain (Capaian Email)”, mungkin tiada kes dilaporkan atau masih dalam siasatan.


7.6 Pengurusan Antivirus

Unit Teknologi Maklumat telah mendapat peruntukan antivirus daripada Bahagian Pengurusan Maklumat, JKN Perak iaitu antivirus Sangfor. Proses pemasangan antivirus dilaksanakan secara berterusan dari tahun 2024. Komputer sewaan yang diselenggara oleh syarikat penyelenggaraan dan masih di dalam waranti telah didatangkan bersama dengan antivirus oleh pihak syarikat iaitu antivirus F-SECURE dan Kaspersky Internet Security.

7.7 Pengurusan Sistem Aplikasi

Teknologi Maklumat memainkan peranan yang besar dalam menguruskan kerja-kerja seharian kerana staf akan berdepan dengan penggunaan sistem-sistem kementerian. Kebanyakkan unit di Hospital Sungai Siput menggunakan sistem online dan Unit IT bertanggungjawab sepenuhnya untuk membantu pengguna yang menggunakan system ini. Pegawai IT dilantik menjadi Admin Utama atau Subadmin bagi membantu pengguna yang mempunyai masalah menggunakan sistem tersebut. Bagi tahun 2024, Sistem MPIS telah digunapakai melibatkan modul Unit Pesakit Luar dan Unit Haemodialisis.

7.7.1 Aduan Mengenai Sistem




Graf Berdasarkan graf jumlah aduan mengikut kategori sistem:


- Sistem MYGOVUC mencatat jumlah aduan tertinggi berbanding sistem-sistem lain. Aduan berkaitan sistem ini termasuk permintaan pendaftaran akaun baharu,

pemindahan OU, dan reset kata laluan. Ini menunjukkan kebergantungan yang tinggi terhadap sistem emel rasmi kerajaan di hospital.

- Sistem HRMIS dan turut menerima bilangan aduan yang tinggi, menunjukkan keperluan untuk sokongan teknikal yang lebih berkesan bagi sistem pengurusan sumber manusia. Masalah capaian dan kemaskini data sering dilaporkan oleh pengguna.
- Majoriti aduan berkait rapat dengan sistem yang digunakan harian oleh kakitangan, terutamanya sistem yang memerlukan login berkala seperti email, HRMIS, dan sistem capaian capaian sistem dalaman.

7.7.2 *Physical Diagram* Pelaksanaan Sistem Di Hospital Sungai Siput





7.8 Pengurusan Media Sosial

7.8.1 Pengurusan Web Portal

Sehingga 2024, Web Portal Hospital Sungai Siput masih menggunakan versi Joomla dan unit ini berperanan untuk mengemaskini 'patches' Joomla agar mengikut piawaian yang telah ditetapkan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat, JKN, Perak dimana laman web Hospital Sungai Siput ditempatkan,

Kandungan di dalam web portal HSS akan dikemaskini sepanjang masa melibatkan fungsi-fungsi di bawah :


- Memasukkan info-info semasa HSS.
- Mengemaskini info-info yang telah luput.
- Memasukkan aktiviti-aktiviti Hospital Sungai Siput.

Jawatankuasa Laman Web, Hospital Sungai Siput telah diwujudkan dan mesyuarat akan dijalankan sekurang-kurangnya 1 kali setahun bersama dengan Pengarah Hospital.

Rajah 2 : Paparan Web Portal Hospital Sungai Siput.

(<https://jknperak.moh.gov.my/hsgsiput/v2/>)






7.8.2 Pengurusan Facebook Hospital Sungai Siput

Info dan maklumat terkini hospital yang perlu dibuat hebahan kepada orang awam akan dimuatnaik kedalam akaun *facebook* agensi. Pencapaian hospital dan aktiviti terkini yang dijalankan di HSS akan disunting oleh Unit IT, HSS sebelum dimuatnaik ke laman *facebook* hospital.

Rajah 2 : Paparan facebook Hospital Sungai Siput.

(<https://www.facebook.com/hsqsiput>)



8.0 INOVASI UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

Pada November 2024, Unit Teknologi Maklumat, Hospital Sungai Siput telah membangunkan satu sistem digital yang dikenali *Acresys Data Management System* iaitu merupakan sebahagian daripada inisiatif pendigitalan dan pemodenan proses pengurusan fail di Hospital Sungai Siput. Inovasi seperti ini juga memainkan peranan penting dalam membantu memudahkan Proses Pensijilan Semula Akreditasi edisi ke-6. Sistem ini direka khusus untuk meningkatkan kecekapan, keselamatan, dan ketercapaian dokumen penting hospital seperti polisi, carta induk hospital, laporan tahunan, minit mesyuarat jawatankuasa, statistik, maklumat staf, capaian sistem-sistem.

Fokus utama sistem ini melibatkan:

- Penyimpanan dokumen secara digital dan berpusat dalam satu sistem yang boleh diakses mengikut tahap keizinan pengguna.
- Peningkatan kecekapan capaian maklumat melalui fungsi carian pantas, pengkategorian dokumen, dan penggunaan dashboard interaktif.
- Rekod capaian dan pengesahan pembacaan dokumen, yang direkod secara automatik untuk memenuhi keperluan pemantauan dalaman dan audit luaran.
- Keselamatan dan ketelusan data, melalui sistem log aktiviti dan kawalan akses yang terperinci.
- Sokongan kepada proses akreditasi hospital, melalui penyediaan dokumen berkaitan secara teratur dan mudah diakses pada bila-bila masa.

Secara keseluruhannya, tumpuan inovasi ini telah berjaya mentransformasikan pendekatan pengurusan maklumat di Hospital Sungai Siput kepada sistem yang lebih moden, cekap dan berdaya saing selaras dengan keperluan transformasi digital sektor kesihatan.

ACRESYS HOSPITAL SUNGAI SIPUT (INTRANET DATA MANAGEMENT SYSTEM)

(http://10.138.99.137/acresyshss/dashboard_user.php)

Dashboard Pengguna

Logout

>>>> Selamat Datang

ACRESYS

HOSPITAL SUNGAI SIPUT



#GerbangData@HSS



Ke Arah Akreditasi Edisi Ke-6

02 Hari

12 Jam

50 Minit

37 Saat

Pengumuman:

Sila pastikan semua polisi telah dibaca dan disahkan sebelum 31 Mei 2025. Klik pada butang "Baca dan Sahkan" di halaman Polisi.

Selamat Datang, hss!

Sistem ini dibangunkan untuk mengurus fail & dokumen di Hospital Sungai Siput secara sistematik dan profesional.

Carta Induk

Polisi HSS

Laporan Tahunan

Galeri HSS

Statistik

Jawatankuasa

Sistem KKM

Direktori Staf

Akreditasi

Info HSS

Arkib

Akta


Panduan Pengguna

Pencapaian Hospital

MSQH Sustainability In Quality Assurance



Maklumat Perjawatan Mei 2025



Perjawatan	Mei 2025
P&P	35
Sokongan 1	150
Sokongan 2	80
P&P (Kontrak)	15
Sokongan 1 (K)	5
Sokongan 2 (K)	5

[Dasar Privasi](#)

© 2025 Acresys Hospital Sungai Siput. Hak Cipta Terpelihara.
Dibangunkan oleh Unit Teknologi Maklumat, HSS | Versi 1.0

9.0 PELAN TINDAKAN UNIT TAHUN 2025

AKTIVITI 1: Pendedahan ICT - Kursus Orientasi Untuk Staf Baru Di Bawah Tajuk “Pengenalan Kepada Laman Web Dan Email Jabatan”.

Bil	Aktiviti/Strategi	Kumpulan Sasaran	Indikator	Sasaran pencapaian	Pihak Tanggungjawab	Tempoh pelaksanaan
1.	STRATEGI : Meningkatkan pengetahuan staf mengenai Dasar Keselamatan ICT, Kementerian Kesihatan Malaysia dan pendedahan kepada email rasmi jabatan.					
1.1	Memberi Pendedahan Kepada Staf Baru Mengenai Laman Web Dan Email jabatan Di Dalam Kursus Orientasi.	Staf baru pelbagai gred	Peratus staf baru menjalani orientasi (Staf baru jalani orientasi / Staf baru x 100%	100%	Unit Teknologi Maklumat (Peg. Teknologi Maklumat)	1 Kali Setahun

AKTIVITI 2: Membantu Staf Untuk Mencapai Bilangan 7 Hari Kursus Setahun – Penganjuran Kursus/Taklimat Email Mygovuc Secara Berperingkat.

Bil	Aktiviti/Strategi	Kumpulan Sasaran	Indikator	Sasaran pencapaian	Pihak Tanggungjawab	Tempoh pelaksanaan
2.	STRATEGI : Meningkatkan kemahiran staf dalam penggunaan ICT di dalam melaksanakan tugas seharian.					
2.1	Menganjurkan Kursus MyCPD	Staf pelbagai gred	Peratus staf hadir kursus (Bil. Staf hadir kursus/jumlahBil Staf x 100%	100%	Unit Teknologi Maklumat	1 Kali Setahun

AKTIVITI 3 : Meningkatkan Peratusan Penilaian Laman Web, Peringkat Jabatan Kesihatan Negeri Perak

Bil	Aktiviti/Strategi	Kumpulan Sasaran	Indikator	Sasaran pencapaian	Pihak Tanggungjawab	Tempoh pelaksanaan
3.	STRATEGI : Memastikan peratusan penilaian Laman Web dapat ditingkatkan daripada tahun sebelumnya.					

3.1	Mengemaskini Laman Web Rasmi Hospital Sungai Siput dengan memuat naik info terkini dan menghapuskan info yang telah luput dari semasa ke semasa	Laman Web Hospital Sungai Siput	Peratus markah penilaian (Peratus markah penilaian x 100%)	≥ 85%	Unit Teknologi Maklumat (Peg. Teknologi Maklumat)	Sepanjang Tahun 2025
-----	--	---------------------------------	--	-------	---	----------------------

AKTIVITI 4: Menghapuskan Email Rasmi Jabatan Yang Tidak Aktif Di Dalam Sistem Email 1GOVUC.

Bil	Aktiviti/Strategi	Kumpulan Sasaran	Indikator	Sasaran pencapaian	Pihak Tanggungjawab	Tempoh pelaksanaan
4.	STRATEGI : Mengurangkan Jumlah Caj Bayaran Kerajaan Terhadap Email Yang Tidak Aktif Di Hospital Sungai Siput					
4.1	Menamatkan penggunaan akaun email yang tidak aktif dalam tempoh >90 Hari Di Dalam Sistem Email MyGOVUC.	Staf pelbagai gred	Jumlah Akaun Email (Bil. Akaun Yang ditamatkan/Jumlah Akaun Email HSS x 100%)	100%	Unit Teknologi Maklumat (Peg. Teknologi Maklumat)	Sepanjang Tahun 2025

AKTIVITI 5: Membekalkan Setiap Komputer Peribadi Di Hospital Sungai Siput Dengan Keperluan Antivirus Original Untuk Keselamatan Data Pengguna.

Bil	Aktiviti/Strategi	Kumpulan Sasaran	Indikator	Sasaran pencapaian	Pihak Tanggungjawab	Tempoh pelaksanaan
5.	STRATEGI : Menyediakan Keperluan Antivirus Original Bagi Setiap Komputer Di Hospital Sungai Siput Untuk Mengurangkan Masalah <i>Virus/Conficker/Worm</i>.					

5.1	Membuat instalasi perisian antivirus yang original.	Staf pelbagai gred	Jumlah Bilangan Komputer (Jumlah Bilangan Komputer Dinaiktaraf/ Jumlah Komputer x 100%	100%	Unit Teknologi Maklumat (Peg. Teknologi Maklumat)	Sepanjang Tahun 2025
-----	--	--------------------	--	------	---	----------------------

AKTIVITI 6: Instalasi Setiap Komputer Peribadi Di Hospital Sungai Siput Dengan Agent SPAI, KKM

Bil	Aktiviti/Strategi	Kumpulan Sasaran	Indikator	Sasaran pencapaian	Pihak Tanggungjawab	Tempoh pelaksanaan
5.	STRATEGI : Instalasi agent SPAI, KKM I Bagi Setiap Komputer Di Hospital Sungai Siput Untuk direkodkan dalam Sistem Pengurusan Aset ICT, KKM					
5.1	Membuat instalasi Agent SPAI, KKM	Staf pelbagai gred	Jumlah Bilangan Komputer (Jumlah Bilangan Komputer Dinaiktaraf/ Jumlah Komputer x 100%	100%	Unit Teknologi Maklumat (Peg. Teknologi Maklumat)	Sepanjang Tahun 2025

10.0 KESIMPULAN

Bagi Tahun 2024, kekurangan staf adalah satu kesulitan dalam melaksanakan beban kerja yang semakin bertambah. Dengan bilangan staf yang terhad, pemantauan dan pembaikan peralatan ICT di pelbagai unit mengambil masa yang lebih lama dan memberi tekanan kerja kepada pegawai yang ada. Hanya seorang pegawai sahaja perlu memberi sokongan kepada pelbagai lapisan pengguna seperti pegawai perubatan, jururawat, pegawai pentadbiran dan sokongan. Kekangan tenaga kerja menyebabkan kelewatan dalam menyelesaikan aduan ICT, terutama apabila berlaku masalah serentak di banyak unit.

Unit IT bertanggungjawab memastikan semua peralatan dan sistem ICT beroperasi dengan lancar termasuk komputer, pencetak, rangkaian internet, sistem e-mel rasmi (seperti MyGovUC), dan capaian kepada sistem kritikal yang lain dengan jumlah pengguna sistem yang tinggi dari kalangan pegawai perubatan, kejururawatan dan pentadbiran, Unit IT menyediakan sokongan harian seperti pendaftaran akaun, pemulihan akses, migrasi data, dan latihan berkaitan aplikasi kesihatan.

Unit IT Hospital Sungai Siput bukan sekadar terlibat dengan isu teknikal ICT semata-mata tetapi ia adalah tulang belakang dalam memastikan kelangsungan operasi kesihatan yang digital, berdaya saing dan selamat. Tanpa sokongan kukuh dari unit ini, pelbagai proses klinikal dan pentadbiran akan terjejas, sekaligus menjejaskan mutu perkhidmatan kepada pesakit dan masyarakat.

Disediakan Oleh :

*ROHAYU BINTI ZAINOL ABIDIN,
Pegawai Teknologi Maklumat, Gred F44,
Unit Teknologi Maklumat
Hospital Sungai Siput.*